

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HLU 212 Asas-Asas Muzik

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab TIGA (3) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Gaya atau stail muzik merujuk kepada gabungan ciri-ciri muzik seperti irama, melodi, warna ton, tekstura, bentuk dan lain-lain. Bandingkan gaya muzik zaman baroque, klasik, romantik dan abad kedupuluh. Hubungkan perubahan gaya muzik dengan perubahan dalam sejarah Eropah. Berikan contoh muzik dan pencipta muzik yang penting.
2. "Beethoven telah memperkembangkan hampir semua aspek muzik seni Eropah. Walaupun Beethoven dilahirkan pada zaman klasik, beliau merupakan pelopor zaman romantik." Bincangkan.
3. Muzik benua Afrika menunjukkan kesatuan dan kepelbagaian. Huraikan persamaan dan perbezaan di antara gaya dan fungsi [i] muzik Afrika Utara (tradisi Islam); [ii] muzik Afrika Timur, Barat dan Selatan (tradisi orang kulit hitam); dan [iii] muzik Pygmy.

Apakah ciri-ciri muzik Afrika yang didapati dalam blues, jazz dan muzik caribbean? Mengapa wujudnya persamaan ini?
4. "Kebudayaan muzik Asia Tenggara dipanggil kebudayaan gong gangsa kerana terdapat persamaan dalam alat-alat muzik, fungsi alat-alat muzik dan stail muzik."

Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada muzik dari negeri Thai, Malaysia dan Indonesia.

.../2

5. Bincangkan perkembangan muzik dan alat-alat muzik dalam sejarah China. Huraikan persamaan ciri-ciri dan alat-alat muzik negeri China dan Jepun. Mengapakah persamaan ini wujud?

-ooo000ooo-